



# The Observer

01.03.2024

## ❖ Mengemudi Landskap Pelaporan Kelestarian yang Semakin Berkembang: Peranan Penting Audit Dalam

Landskap pelaporan kelestarian menyaksikan transformasi dan anjakan paradigma dalam beberapa tahun kebelakangan ini, didorong oleh permintaan yang meningkat daripada pelbagai pihak berkepentingan. Seruan ini seiring dengan keperluan yang mendesak untuk meningkatkan amalan kelestarian serta pendedahan yang lebih mantap dan setanding daripada penerbit tersenarai.

Kesan perubahan iklim semakin dirasai secara menyeluruh dalam perniagaan dan industri, menyebabkan pelabur dan institusi kewangan mendesak supaya penekanan dibuat terhadap pelaporan alam sekitar, sosial dan tadbir urus (*environmental, social and governance, ESG*) supaya keputusan pelaburan dapat dibuat dengan lebih baik dan termaklum.

Apabila pelaporan ESG meraih momentum, ia memerlukan layanan yang saksama, yang setanding dengan pelaporan kewangan. Organisasi perlu mengakui bahawa pelaporan ESG yang berkesan dibina berdasarkan sistem kawalan dalaman yang direka secara strategik. Ia perlu menggambarkan dengan tepat cara inisiatif ESG sesebuah organisasi saling berkait dengan prestasi kewangan dan penciptaan nilai secara keseluruhan. Dalam keadaan ini, audit dalaman memainkan peranan penting untuk menyediakan jaminan, pandangan serta panduan yang objektif kepada pihak pengurusan dan badan pentadbir mengenai hal-hal berkaitan ESG.

### Perubahan kawal selia

Pelbagai badan kawal selia di peringkat tempatan telah meningkatkan usaha mereka untuk mendorong pelaporan kelestarian yang telus dan boleh dipercayai dalam kalangan penerbit tersenarai.

Walaupun sebelum ini, penerbit tersenarai telah menzahirkan secara terbuka metrik bukan kewangan mereka seperti pelepasan gas rumah hijau, penggunaan tenaga dan kepelbagaian tenaga kerja, metrik ini seringkali tidak diberikan pengesahan atau jaminan secara bebas.

Pada September 2022, Bursa Malaysia Securities Berhad (Bursa Malaysia) melancarkan rangka kerja pelaporan kelestarian yang dipertingkatkan, yang bertujuan menambah baik amalan kelestarian dan penzahiran oleh penerbit

tersenarai. Penerbit tersenarai Pasaran Utama dan Pasaran ACE akan menerima pakai perubahan ini secara bertahap, bermula dari tahun kewangan berakhir 31 Disember 2023 dan seterusnya.

Aspek penting dalam penzahiran kelestarian yang dipertingkatkan ini adalah untuk mengukuhkan kredibiliti Pernyata Kelestarian. Penerbit tersenarai di Pasaran Utama diberikan mandat untuk memasukkan pernyataan yang menunjukkan sama ada Penyata Kelestarian mereka telah menjalani proses jaminan.

Jika Penyata Kelestarian tertakluk pada proses jaminan, syarikat perlu menzahirkan dalam Penyata Jaminan mereka sama ada ia sudah menjalani semakan dalaman oleh juruaudit dalam atau jaminan bebas mengikut piawaian yang diiktiraf.

Pada masa yang sama, industri sedang beralih ke arah menerima pakai piawaian Lembaga Piawaian Kelestarian Antarabangsa (*International Sustainability Standards Board, ISSB*) bagi mewujudkan rangka kerja yang serupa untuk penzahiran maklumat kelestarian, termasuk risiko dan peluang berkaitan iklim.

Oleh itu, Jawatankuasa Penasihat Pelaporan Kelestarian (*Advisory Committee on Sustainability Reporting, ACSR*), yang dipengerusikan oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia, baru-baru ini mengeluarkan Kertas Perundingan Awam berhubung Cadangan Rangka Kerja Pelaporan Kelestarian Kebangsaan. Kertas kerja ini bertujuan mendapatkan maklum balas mengenai penerimaan dan penggunaan Piawaian Laporan Kewangan Antarabangsa (*International Financial Reporting Standards, IFRS*) S1 dan IFRS S2 yang dikeluarkan oleh ISSB.

Penerimgunaan piawaian ISSB akan mengukuhkan peralihan yang lebih meluas ke arah penzahiran berkaitan kelestarian, melangkaui penzahiran tipikal yang berkaitan kewangan.

### **Peranan penting audit dalam**

Selaras dengan perubahan ini, peranan audit dalam menjadi semakin penting. Juruaudit dalam ditugaskan untuk meneliti kesempurnaan dan ketepatan data yang mendasari, merapatkan jurang antara pelaporan dengan mana-mana piawaian atau protokol industri serta menilai proses dan kawalan pelaporan pihak pengurusan.

Memandangkan metodologi dan prosedur audit kian berkembang untuk merangkumkan pendedahan berkaitan kelestarian, juruaudit dalam perlu memiliki pemahaman yang mendalam tentang piawaian yang relevan serta syarat-syarat pelaporan yang berkaitan. Ini memerlukan pemahaman yang kukuh terhadap prinsip dan rangka kerja kelestarian serta peraturan yang berkaitan bagi membolehkan mereka menilai secara berkesan risiko yang wujud dalam pelaporan kelestarian seterusnya menentukan bidang fokus audit yang perlu diberikan keutamaan.

Perbincangan antara pihak berkepentingan dalaman seperti pasukan kelestarian adalah penting bagi memudahkan wacana intelektual yang berkaitan rangka kerja kelestarian dan metodologi pelaporan.

Di samping itu, pembangunan profesional serta inisiatif latihan yang berterusan perlu dilaksanakan bagi memastikan juruaudit dalam sentiasa mengikuti perkembangan arah aliran yang baru muncul serta amalan terbaik dalam pelaporan kelestarian.

Sebelum ini, juruaudit dalam memainkan peranan yang minimum dalam inisiatif atau pelaporan ESG. Namun begitu, apabila penerbit tersenarai bersedia sedia untuk menerima pakai rangka kerja pelaporan kelestarian Bursa Malaysia yang dipertingkatkan bersama-sama piawaian IFRS S1 dan S2, juruaudit dalam terdorong ke barisan hadapan bagi memastikan kebolehpercayaan, ketepatan dan ketelusan penzahiran kelestarian. Ini seterusnya akan memupuk kepercayaan dan keyakinan dalam kalangan pelabur dan pihak berkepentingan terhadap pelaporan kelestarian penerbit tersenarai. Akhir sekali, ia memperkukuh proses membuat keputusan pelaburan yang termaklum serta memupuk penciptaan nilai yang mampan untuk semua pihak berkepentingan.

**Elaine Choo**  
**Pengurus, Pemantauan Korporat**

---

### **Tinjauan Mingguan AGM/ EGM MSWG untuk tempoh 4 hingga 8 Mac 2024**

Berikut adalah AGM/EGM syarikat-syarikat di bawah senarai pemantauan Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti (MSWG) pada minggu ini.

Ringkasan perkara penting disenaraikan di bawah, manakala butiran terperinci soalan yang diajukan kepada syarikat boleh didapati di laman sesawang MSWG di [www.mswg.org.my](http://www.mswg.org.my)

<b>Tarikh dan Masa</b>	<b>Syarikat</b>	<b>Tinjauan ringkas</b>
04.03.24 (Isnin) 09.00 pagi	Revenue Group Berhad (AGM)	<p>Revenue Group menganjukkan akhir tahun fiskalnya dari 30 Jun kepada 30 September dan melaporkan pendapatan berjumlah RM531.9 juta dalam tempoh 15 bulan.</p> <p>Bagaimanapun, keputusan kewangannya bertukar menjadi rugi dengan kerugian bersih berjumlah RM89.3 juta berbanding untung bersih RM4.5 juta pada tahun kewangan 2022.</p> <p>Untung kasar yang lebih rendah daripada segmen Pemprosesan Transaksi Elektronik (ETP) dan terminal EDC serta penilaian rosot nilai ke atas pelbagai aset menyebabkan penyusutan ini.</p> <p>Kumpulan menamatkan tempoh kewangan berakhir 2023 dengan kedudukan hutang bersih sebanyak RM18.7 juta, jauh berbeza daripada kedudukan tunai bersih pada tahun sebelumnya.</p>

<p>06.03.24 (Rabu) 10.00 pagi</p>	<p>XOX Berhad (AGM)</p>	<p>Pendapatan XOX menyusut sebanyak RM19.96 juta kepada RM273.65 juta pada tahun kewangan 2023 (tahun kewangan 2022: RM293.62 juta), disebabkan oleh persaingan yang semakin sengit, yang menyaksikan purata pendapatan gabungan daripada setiap pengguna (pascabayar dan prabayar) (<i>average revenue per user, ARPU</i>) menyusut walaupun bilangan pelanggan meningkat. Pendapatan daripada e-dagang juga merosot kerana pengguna lebih menyukai pengalaman membeli belah secara bersemuka.</p> <p>Bagi portfolio pelaburannya, Kumpulan mencatatkan kerugian rosot nilai ke atas pelaburan dalam syarikat bersekutu, yang berjumlah RM34.44 juta pada tahun kewangan 2023 (tahun kewangan 2022: RM67.13 juta).</p>
<p>06.03.24 (Rabu) 10.00 pagi</p>	<p>Kumpulan Perangsang Selangor Berhad (EGM)</p>	<p>Anak syarikat milik penuh KPS, Bold Approach Sdn Bhd, telah memeterai perjanjian penjualan saham bersyarat dengan AI Dream (HK) Ltd, yang menggariskan rancangan pelupusan saham dalam Kaiserkorp Corporation Sdn Bhd dengan harga RM265.5 juta, secara tunai.</p> <p>Menurut KPS, terimaan kasar yang dijangka berjumlah RM188.7 juta akan digunakan untuk pembayaran balik hutang dalam tempoh 12 bulan akan datang.</p>
<p>08.03.24 (Jumaat) 10.00 pagi</p>	<p>Digistar Corporation Berhad (AGM)</p>	<p>Pendapatan Digistar menyusut 4.6% tahun ke tahun kepada RM47.61 juta (tahun kewangan 2022: RM49.89 juta). Namun begitu, Kumpulan berjaya mencatatkan untung sebelum cukai yang marginal sebanyak RM0.27 juta, berbanding kerugian sebelum cukai berjumlah RM2.03 juta pada tahun kewangan 2022. Kerugian Kumpulan bagi tahun kewangan menyusut kepada RM1.94 juta berbanding kerugian berjumlah RM4.61 juta pada tahun sebelumnya.</p>

**Perkara penting untuk diketengahkan:**

<b>Syarikat</b>	<b>Perkara/ Isu penting untuk diketengahkan</b>
Revenue Group Berhad (AGM)	<p>Segmen perkhidmatan pembayaran digital mencatatkan rekod sebagai penyumbang pendapatan tertinggi berbanding segmen perniagaan terminal penangkapan data elektronik (<i>Electronic Data Capture, EDC</i>) dan pemprosesan transaksi elektronik (<i>Electronic Transaction Processing, ETP</i>). Segmen ini menrekodkan pendapatan berjumlah RM459.9 juta atau 86.5% daripada jumlah jualan Kumpulan dalam tempoh kewangan berakhir 30 September 2023 (tempoh kewangan berakhir 2023, pelaporan 15 bulan). (Halaman 23, Laporan Tahunan 2023).</p> <ol style="list-style-type: none"><li>1. Mengapakah peningkatan sederhana dalam jualan perkhidmatan pembayaran digital yang menyumbang 86.5% daripada pendapatan dalam tempoh kewangan berakhir 2023 berbanding 83.9% pada tahun kewangan berakhir 2022, menyebabkan pengurangan ketara dalam margin untung kasar daripada 9.2% pada tahun kewangan berakhir 2022 kepada 5.0% dalam tempoh kewangan berakhir 2023?</li><li>2. Berapakah sumbangan pendapatan daripada segmen perniagaan EDC dan ETP kepada Kumpulan pada tahun kewangan berakhir 2022 (selepas dinyatakan semula)? Apakah sebab utama penurunan jualan bagi segmen perniagaan EDC dan ETP dalam tempoh kewangan berakhir 2023?</li></ol>
XOX Berhad (AGM)	<p><i>"Perang harga menjejaskan margin keuntungan, mendorong XOX untuk berinovasi dan mengekalkan kelebihan daya saing syarikat. Selain itu, wujud risiko daripada pelanggan yang mengalihkan pilihan mereka. Dalam hal ini, XOX perlu memanfaatkan analisis data untuk menyesuaikan tawaran bagi mengurangkan risiko pengekalan pelanggan."</i></p> <ol style="list-style-type: none"><li>1. Sila berikan beberapa contoh rancangan/ strategi inovatif yang dilaksanakan oleh XOX untuk mengekalkan kelebihan daya saing syarikat sehingga kini. Apakah hasil daripada rancangan/ strategi yang dilaksanakan ini?</li><li>2. Berapakah jumlah yang dibelanjakan untuk melaksanakan analisis data? Apakah strategi atau tindakan yang boleh dilaksanakan atau dirancang berdasarkan penemuan daripada analisis data ini?</li></ol>
Kumpulan Perangsang Selangor Berhad (EGM)	Kumpulan mensasarkan untuk menangani kehilangan sumbangan daripada Kumpulan Kaiserkorp dengan memberikan tumpuan terhadap segmen pembuatan dan infrastruktur (Halaman 10, Pekeliling 2024).

Segment Results	3 months ended		12 months ended	
	31.12.2023	31.12.2022	31.12.2023	31.12.2022
	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000
Manufacturing	(21)	4,079	37,930	62,360
Trading	1,359	1,255	8,327	7,802
Infrastructure *	1,046	130,571	2,876	123,459
Investment holding	(2,748)	(81,792)	(35,798)	(105,081)
Property investment	(1,386)	(3,682)	1,468	(2,214)
Oil & Gas *	524	805	1,842	1,716
<b>(Loss)/Profit Before Tax and Zakat on Continuing Operations</b>	<b>(1,226)</b>	<b>51,236</b>	<b>16,645</b>	<b>88,042</b>
Manufacturing	(1,128)	(1,420)	1,166	(2,114)
Licensing	9,548	6,275	24,258	32,436
<b>Profit Before Tax and Zakat on Discontinuing Operations</b>	<b>8,420</b>	<b>4,855</b>	<b>25,424</b>	<b>30,322</b>
<b>Total Profit Before Tax and Zakat</b>	<b>7,194</b>	<b>56,091</b>	<b>42,069</b>	<b>118,364</b>

\* Inclusive of share of profit of associates

- a) Merujuk keputusan segmen yang dipaparkan di atas dari halaman 9 Laporan Suku Tahunan KPS terkini yang dikeluarkan pada 26 Februari 2024, adakah penurunan dalam segmen pembuatan daripada RM62.4 juta pada tahun kewangan 2022 kepada RM37.9 juta pada tahun kewangan 2023 sejajar dengan keputusan yang dijangkakan? Apakah strategi yang dirancang oleh Kumpulan untuk mengemudi kitaran permintaan yang menurun dalam sektor elektrik dan elektronik? Apakah pula jangka masa yang diunjurkan untuk segmen itu bingkas dan kembali mencatatkan pertumbuhan?

Segment Revenue	12 months ended					
	31.12.2023			31.12.2022		
	External Revenue	Inter-Segment Revenue	Total Revenue	External Revenue	Inter-Segment Revenue	Total Revenue
RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	
Manufacturing	877,757	(184)	877,573	989,034	-	989,034
Trading	160,078	-	160,078	158,335	-	158,335
Infrastructure	302	-	302	5,204	-	5,204
Investment holding	2,446	(2,446)	-	2,275	(2,275)	-
Property investment	8,162	-	8,162	8,957	-	8,957
<b>Total Continuing Operation</b>	<b>1,048,745</b>	<b>(2,630)</b>	<b>1,046,115</b>	<b>1,163,805</b>	<b>(2,275)</b>	<b>1,161,530</b>
<b>Discontinuing Operations</b>						
Manufacturing	138,889	-	138,889	148,217	-	148,217
Licensing	43,505	-	43,505	50,871	-	50,871
<b>Total Discontinuing Operations</b>	<b>182,394</b>	<b>-</b>	<b>182,394</b>	<b>199,088</b>	<b>-</b>	<b>199,088</b>
<b>Total Revenue</b>	<b>1,231,139</b>	<b>(2,630)</b>	<b>1,228,509</b>	<b>1,362,893</b>	<b>(2,275)</b>	<b>1,360,618</b>

- b) Merujuk kepada pendapatan segmen di atas dari halaman 8 Laporan Suku Tahunan KPS terkini yang dikeluarkan pada 26 Februari 2024, bagaimanakah KPS merancang untuk merangsang pertumbuhan dalam segmen infrastruktur memandangkan segmen ini menyumbangkan pendapatan yang minimal (0.4% dalam tahun kewangan 2023) kepada jualan Kumpulan? Adakah terdapat sebarang projek penting dalam perancangan untuk KPS-HCM dan Smartpipe yang mampu meningkatkan dengan ketara sumbangan segmen ini kepada Kumpulan?

Segment Revenue	12 months ended					
	31.12.2023			31.12.2022		
	External Revenue	Inter-Segment Revenue	Total Revenue	External Revenue	Inter-Segment Revenue	Total Revenue
	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000
Manufacturing	877,757	(184)	877,573	989,034	-	989,034
Trading	160,078	-	160,078	158,335	-	158,335
Infrastructure	302	-	302	5,204	-	5,204
Investment holding	2,446	(2,446)	-	2,275	(2,275)	-
Property investment	8,162	-	8,162	8,957	-	8,957
<b>Total Continuing Operation</b>	<b>1,048,745</b>	<b>(2,630)</b>	<b>1,046,115</b>	<b>1,163,805</b>	<b>(2,275)</b>	<b>1,161,530</b>
<b>Discontinuing Operations</b>						
Manufacturing	138,889	-	138,889	148,217	-	148,217
Licensing	43,505	-	43,505	50,871	-	50,871
<b>Total Discontinuing Operations</b>	<b>182,394</b>	<b>-</b>	<b>182,394</b>	<b>199,088</b>	<b>-</b>	<b>199,088</b>
<b>Total Revenue</b>	<b>1,231,139</b>	<b>(2,630)</b>	<b>1,228,509</b>	<b>1,362,893</b>	<b>(2,275)</b>	<b>1,360,618</b>

c) Merujuk pendapatan segmen di atas dari halaman 8 Laporan Suku Tahunan KPS terkini yang dikeluarkan pada 26 Februari 2024, jika tiada projek yang sedang dijalankan untuk KPS-HCM dan Smartpipe, apakah rasional Kumpulan memilih segmen infrastruktur sebagai keutamaan kedua berbanding segmen lain? Lebih-lebih lagi apabila segmen perdagangan dan pelesenan menyumbang pendapatan yang lebih tinggi, masing-masing berjumlah 11.6% dan 3.7% kepada jualan KPS pada tahun kewangan berakhir 2023?

Digistar Corporation Berhad (AGM)

Pendapatan hotel Imperial Heritage untuk tahun kewangan 2023 berjumlah RM16.14 juta, meningkat 14% berbanding tahun sebelumnya (Halaman 9, Laporan Tahunan 2023). Pendapatan sewa kekal pada RM66,000 (tahun kewangan 2022: RM66,000) (Nota 5 (a), Halaman 113, Laporan Tahunan 2023), namun sumbangan keuntungan daripada segmen sewaan dan hotel merosot dengan ketara sebanyak 32% kepada RM5.01 juta (tahun kewangan 2022: RM 7.34 juta) (Nota 35, halaman 156 & 159, Laporan Tahunan 2023).

Melihat peningkatan dalam sumbangan pendapatan daripada hotel Imperial Heritage, apakah punca utama keuntungan yang menyusut untuk segmen sewaan dan hotel Kumpulan?

## PEMANTAUAN KORPORAT MSWG

Rita Foo, Ketua, Pemantauan Korporat, ([rita.foo@mswg.org.my](mailto:rita.foo@mswg.org.my))  
 Norhisam Sidek, Pengurus, Pemantauan Korporat, ([norhisam@mswg.org.my](mailto:norhisam@mswg.org.my))  
 Lee Chee Meng, Pengurus, Pemantauan Korporat, ([chee.meng@mswg.org.my](mailto:chee.meng@mswg.org.my))  
 Elaine Choo Yi Ling, Pengurus, Pemantauan Korporat, ([elaine.choo@mswg.org.my](mailto:elaine.choo@mswg.org.my))  
 Lim Cian Yai, Pengurus, Pemantauan Korporat, ([cianyai@mswg.org.my](mailto:cianyai@mswg.org.my))  
 Jackson Tan, Pengurus, Pemantauan Korporat, ([jackson@mswg.org.my](mailto:jackson@mswg.org.my))  
 Nur Amirah Amirudin, Pengurus, Pemantauan Korporat, ([nuramirah@mswg.org.my](mailto:nuramirah@mswg.org.my))  
 Yan Lai Kuan, Pengurus, Pemantauan Korporat, ([yan.laikuan@mswg.org.my](mailto:yan.laikuan@mswg.org.my))  
 Lam Jun Ket, Pengurus, Pemantauan Korporat, ([lam.junket@mswg.org.my](mailto:lam.junket@mswg.org.my))

## PENDEDAHAN KEPENTINGAN

• Berkenaan syarikat-syarikat yang dinyatakan, MSWG memiliki jumlah saham minimum dalam semua syarikat yang diliputi dalam surat berita ini.

### **PENOLAKAN TUNTUTAN**

Surat berita ini dan isi kandungannya berserta semua hak-hak berkaitan dengannya termasuk hak cipta dimiliki oleh Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Berhad, juga dikenali sebagai Minority Shareholders Watch Group (MSWG).

Isi kandungan dan pendapat yang dinyatakan di dalam surat berita ini adalah berdasarkan maklumat yang diperolehi daripada domain awam dan bertujuan untuk memberikan maklumat umum kepada pengguna dan adalah untuk rujukan sahaja. Usaha terbaik telah dilakukan untuk memastikan maklumat yang terkandung di dalam surat berita ini adalah tepat dan terkini pada tarikh penerbitan. Walau bagaimanapun, MSWG tidak membuat sebarang waranti nyata atau tersirat atas ketepatan atau kelengkapan maklumat dan pendapat yang terkandung di dalam surat berita ini. Tiada maklumat di dalam surat berita ini yang bertujuan atau patut dianggap sebagai syor untuk membeli atau menjual atau jemputan untuk melanggan sekuriti tertentu, pelaburan yang berkaitan atau mana-mana instrumen kewangan.

MSWG perlu diberikan perakuan bagi mana-mana bahagian surat berita ini yang diterbitkan semula.

MSWG tidak akan bertanggungjawab atau menanggung sebarang liabiliti atas kebergantungan kepada sebarang maklumat atau komen yang terkandung di dalam surat berita ini atau jika ianya diterbitkan semula oleh pihak ketiga. Semua pembaca atau pelabur dinasihatkan supaya mendapatkan nasihat perundangan atau nasihat profesional yang lain sebelum mengambil sebarang tindakan berdasarkan surat berita ini.